

# 12 peragut diberkas

Sinar 28/6/2011  
MS 41.

*Terbabit beberapa kes sejak 15 Jun*

**NUR FARHANA  
ABDUL MANAN**

**SUBANG JAYA** – Polis berjaya memberkas 12 peragut yang melakukan jenayah sekitar Subang Jaya dalam beberapa kejadian berasingan sejak 15 Jun lalu.

Penangkapan dibuat termasuk membabitkan dua pelajar tingkatan empat dan seorang pelajar tingkatan lima.

Kes terbaru membabitkan tiga remaja menyamar polis dan cuba menyamun seorang pelajar.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Zainal Rashid Abu Bakar berkata, dalam kejadian kira-kira jam 3 pagi itu, mangsa berusia 17 tahun menunggang motosikal berdelatan bulatan Puchong Perdana.

Menurutnya, tiba-tiba datang tiga lelaki berusia 17 hingga 22 tahun menaiki tiga motosikal berasingan mengaku sebagai polis menahan dan membuat pemeriksaan terhadap mangsa.

“Polis palsu berpakaian preman itu kemudian memeriksa dompet dan mengambil sejumlah wang tunai serta telefon bimbit milik mangsa. Mangsa kemudian memaklumkan kejadian kepada pihak polis.

“Bertindak atas laporan, polis peronda membuat gerakan dan berjaya memberkas dua daripadanya beberapa minit selepas itu,” kata-



**Zainal menunjukkan barang yang ditemui selepas tiga penyamun menyamar polis ditahan di Puchong Perdana di sini, kelmarin.**

nya seorang lagi rakan suspek berjaya ditahan kemudian.

Beliau berkata, ketiga-tiganya akan disiasat di bawah Seksyen 395 Kanun Keseksaan dan akan direman sehingga esok.